

Penyelidik UMS hasilkan baja bio daripada tandan buah kosong kelapa sawit

UB 19.8.2013 A5

KOTA KINABALU: Kumpulan Penyelidikan Mikrobiologi dari Institut Penyelidikan Bioteknologi Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah membangunkan cara mudah untuk mengeluarkan baja bio daripada serat tandan buah kosong kelapa sawit (EFB) dalam masa 40 hari.

Penyelidik kanan Dr Md Shafiquzzaman Siddiquee dan pelajar sarjana Nur Shafawati Sali, telah menjalankan penyelidikan menukarkan sisa industri kelapa sawit itu menjadi baja bio.

Menurut penyelidik kanan itu, ladang kelapa sawit Malaysia mewakili 41 peratus pengeluaran minyak sawit dunia dan menggunakan 4.5 juta hektar tanah. Serat kelapa sawit (batang, pelepah dan tandan buah kosong) dianggap produk buangan utama.

"Banyak sisa produk telah dihasilkan dan

mengakibatkan masalah alam sekitar dan degradasi sistem eko, dan menjejaskan kesihatan komuniti, dengan kos pelupusan yang semakin meningkat," kata Md Shafiquzzaman kepada Bernama, di sini.

Md Shafiquzzaman berkata jenis tertentu *Trichoderma* yang digunakan untuk mengurai EFB dalam penyelidikannya, mempunyai banyak kelebihan berbanding produk berasaskan tepung yang boleh didapati di pasaran sekarang.

Katanya, penggunaan *Trichoderma* jenis ini dalam proses mengkompos, bukan hanya berperanan sebagai ejen pengawal biologi, tetapi juga antara lain mempercepatkan proses pengkomposan, mengawal penyakit tumbuhan, berupaya mengurai bahan kayu serta meningkatkan hasil pengeluaran. - Bernama